SAFAR 1430 HIJRAH

Absolute *Kelantan*

OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

# QIADAH

KELANTAN CHIEF MINISTER INCORPORATED

ڤربدانن منتري بسر كلنتن



## *Celebrating* the DIFFERENCES

PMBK
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

http://www.pmbk.gov.my

FREE ISSUES / PERCUMA

*Berhasrat untuk mambantu dan memperkukuhkan institusi pengajian pondok di Kelantan secara berterusan melalui insentif-insentif di bawah tanggungjawab sosial korporat PMBKS*

**2009**





**PMBK SAWIT SDN. BHD.**

*(dimilik sepenuhnya oleh Perbadanan Menteri Besar Kelantan)*

**2009**

*Berhasrat membangunkan ekonomi rakyat negeri Kelantan melalui program-program keusahawanan berasaskan pertanian, pertanian dan perladangan*


PMBK Sawit Sdn Bhd
(Pejabat Korporat)
Tingkat 1, Lot 296,
Jalan Kota Darul Naim,
15100 Kota bharu, Kelantan
Tel: 09-7471908, Faks: 09-7461908

(Pejabat Operasi)
Tingkat Atas, PT 7813,
Taman Mesra,
Jalan Persiaran Raya,
18300 Gua Musang, Kelantan
Tel: 09-9120710, Faks: 09-9120711

*Cawangan Operasi Pasir Mas*
Kilometer 10,
Lebuhraya Rantau Panjang - Pasir Mas,
17000 Pasir Mas, Kelantan
Tel: 09-7916408, Faks: 09-7916409

*Cawangan Tanah Merah / Jeli*
PT 2104 Blok C,
Bandar Baru Bukit Bunga,
Ayer Lanas,
17700 Jeli, Kelantan
Tel:09-9466111, Faks: 09-9466110




# editorial note

During my school days, there was a small boy who would walk to school everyday only to make a brief stop over at the Machang Wet Market. The reason for the 'pit stop' was to collect his daily pocket money of 20 cents from his mother who looked after the family's welfare through her job selling at the market. As he made his way to school, a man known as Pok Ya would call out to him and offer him some advice, which would include, among others, to study hard so that he may one day grow up and be able to get himself a good job so that he could repay his mother for all her hard work towards financing his school days and all the other things she did for the family.

This was the daily routine, and came rain or shine, Pok Ya would be there, to pat the boy's back and give him the same advice everyday.

Pok Ya's actual name is Mr. Choung Puah and I am the schoolboy. Mr. Choung, a father of four from Kampong Chekok Mata Air, Pulai Condong in Machang is still selling fresh goods at Machang Wet Market. And I will still continue to make that routine 'pit stop' once in a while, simply to hear what advice he might have in store for me.

This is just a small anecdote of the relationship that transcends race and religions, which has become so synonymous with the people of Kelantan; and for this edition of Qiadah, we chose to portray just that. Since the last issue, we have celebrated many religious and cultural festivals such as Hari Raya Korban, Christmas, Maal Hijrah and The Chinese New Year - let us all continue to celebrate our differences.

Salaam and regards,

**Ir. Abdul Ariffahmi Ab. Rahman**





# asal usul Masyarakat Cina Kelantan

oleh Haji Zaidi Bin Hassan

Dianggarkan pada kurun ke 17 dan awal kurun ke 18, walaupun sebahagian pengkaji mengatakan seawal zaman Dinasti Ming (1368-1644), telah terdapat penghijrahan orang Hakka ke kawasan Asia Tenggara (yang dikenali di kalangan orang Cina sebagai Nanyang) untuk tujuan melombong emas. Mereka telah mendatangi kawasan yang mempunyai bijih emas di Kalimantan Barat, Pulau Bangka dan di Semenanjung, mereka datang ke Kelantan dan Pahang. Di Kelantan mereka akhirnya telah bertumpu dalam kegiatan perlombongan emas di Kg.Pulai, Lembah Sungai Galas, Gua Musang. Setelah kegiatan perlombongan di kawasan tersebut berhenti, kelompok Hakka ini terus mendiami kawasan tersebut. Mereka telah menjadi penanam padi dan petani.[1] Mereka tidak begitu berminat dalam perniagaan. Agak berlainan dengan komuniti Cina yang lain, kelompok Hakka lebih ketara menjaga ciri-ciri ras mereka, asimilasi mereka dengan masyarakat setempat bagaimanapun tidak menyebabkan mereka menjadi kelompok hybrid, atau lebih dikenali sebagai cina peranakan.[2]

Arus kedua penghijrahan yang ketara ialah penghijrahan orang Hokkien, kebanyakan mereka datang melalui jalan darat, iaitu melalui Kemboja, Siam, Pattani dan seterusnya memasuki Kelantan. Kebanyakan mereka membina penempatan di tepi tebing Sungai. Sehingga kini, kita boleh temui kelompok ini bermula dari Sg. Pinang yang berhampiran muara Sungai Kelantan sehingga ke kawasan-kawasan pedalaman. Mereka telah menjalankan kegiatan pertanian, penternakan dan lain-lain aktiviti ekonomi kampung terutama menanam tembakau kampung dan sayur-sayuran. Kelompok ini telah bercampurgaul dengan masyarakat setempat, sehingga mereka lebih dikenali sebagai Cina Kampong.



Corak berpakaian dan bahasa pertuturan mereka lebih kurang sama dengan komuniti Melayu tempatan. Walaupun mereka telah menyesuaikan kehidupan mereka dengan budaya tempatan, namun mereka terus mengekalkan amalan keagamaan. Mereka juga telah memiliki bentuk seni-bina rumah yang unik. Rumah kayu mereka, bertiang sebagaimana rumah Melayu, beratap lentik dan berserambi luas. Adunan warisan Cina yang masih ketara dengan elemen-elemen tempatan yang dipadukan secara berkesan.

Arus ketiga penghijrahan berlaku pada awal kurun ke 20 terutama dari Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Mereka datang sebagai peniaga dan pekedai. Mereka mendiami kawasan-kawasan bandar, pekan dan daerah sekitarnya. Selepas kemerdekaan terdapat kegiatan masuk-keluar masyarakat Cina di Kelantan, yang banyak didorong oleh pertukaran tempat kerja, peluang perniagaan, perusahaaan, pelajaran dan perkahwinan.

Berdasarkan corak sejarah kedatangan masyarakat Cina ini, terdapat dua pembahagian besar bagi kelompok besar Cina di Kelantan, iaitu Cina Bandar dan Cina Kampung (Cina Peranakan). Cina Bandar adalah masyarakat Cina yang mendiami bandar dan pekan, banyak terlibat dalam perniagaan atau bekerja dengan kerajaan dan swasta, ramai yang kurang fasih bertutur bahasa Melayu loghat Kelantan serta mendapat pendidikan Sekolah Cina. Adapun Cina Kampung, mereka tinggal di kampung-kampung, menjalani kehidupan secara kampung dengan bercucuk-tanam dan berternak secara domestik, fasih bertutur dalam loghat Kelantan dan bergaul dengan masyarakat



Melayu setempat sehingga ramai yang mempunyai nama-nama gelaran Melayu. (Sedikit berbeza dengan kelompok Hakka di Kampong Pulai). Bahkan dari kelompok Cina Kampung ini telah lahir pengiat Bahasa Melayu, antara lain *Dr.Lim Siew Tin*[3] dan *Dr. Teo Kok Seong*.[4]

### Hubungan Kelantan Dan China

Dalam hikayat-hikayat Melayu di sebut tentang hubungan raja-raja Melayu dengan raja-raja Benua Keling dan Benua China (selain daripada Benua Rom) dengan cerita serangan burung garudanya dan pulau raksasa. Bagaimanapun secara geografinya rantau kita berada di persinggahan pelayaran perdagangan antara dua kuasa besar pemerintahan Asia purba.

Terdapat kecenderungan beberapa pengkaji tempatan untuk memadankan beberapa nama tempat dalam catitan pelayar Cina purba dengan Kelantan, umpamanya sebutan Tan Tan, Hao Lan Ten dan beberapa sebutan yang lain. Bagaimanapun perkara ini tidak dapat dibuktikan dan tidak pula disepakati , ianya sekadar spekulatif oleh sebahagian pengkaji dan kemudiannya dipetik menjadi sumber maklumat oleh penulis-penulis yang terkemudian.

Sudah tentu terdapat aktiviti perdagangan di antara penduduk tempatan Kelantan dengan pedagang-pedagang Cina semenjak awal lagi. Antara peninggalan lama yang masih boleh disusuri ialah bangunan kuil lama di Tokong Sui Yek Khong, Kg. Pulai, Gua Musang dan kuil di Kampung Tok Kong, Kemubu.

Dikatakan belindan kubur Raja Umar, Raja Kelantan dari pemerintahan Dinasti Jembal yang mangkat pada tahun 1721 didatangkan daripada Negeri China. Dalam ukiran kayu pula, kita akan dapati beberapa motif Cina pada ukiran kayu lama, seperti panel ukiran kayu di Masjid Langgar, Kota Baharu. Kemungkinan ukiran ini berasal dari Negeri China atau diukir di sini menggunakan pengukir-pengukir berketurunan Cina.

1 Lihat A History Of Pahang. m/s: 249. Oleh W. Linehan. Diterbitkan oleh MBRAS 1973.
2 Antara tulisan yang menarik tentang kelompok Hakka di Kg. Pulai ini ialah kertas Form And Content In Hakka Malaysian Culture. Oleh Sharon A. Carstens. 1996
3 Dr. Lim Siew Tin adalah seorang ahli akademik dan penyair yang terkenal bukan sahaja di tanahair bahkan di peringkat seratntau dan antarabangsa
4 Dr.Teo Kok Seong adalah seorang ahli akademik dan menghasilkan buku *'The Peranakan Chinese Of Kelantan: Culture, Language & Identity Of a Chinese Sub-Community In Malaysia*




Di dalam lipatan sejarah Kelantan, ada disebut yang apabila Long Yunus mangkat, Baginda diganti oleh menantu Baginda Tengku Muhammad, putera Sultan Mansur Terangganu, suami kepada Cik Ku Tuan Nawi. Selepas lima tahun memerintah Kelantan, pada tahun 1799, putera-putera Long Yunus telah menyerang Tengku Muhammad dan menjatuhkan Baginda daripada Takhta Kerajaan.

Dan pada tahun 1801 Long Muhammad telah ditabal menjadi pemerintah dengan gelaran Sultan Muhammad I. Baginda Long Muhammad telah disokong dengan kuatnya oleh saudara-saudara Baginda terutamanya Long Tam (Long Hitam) dan Long Jenal (Long Zainal Abidin) Masyarakat Cina Galas (Kg. Pulai) telah menyokong perjuangan Long Muhammad. Long Jenal yang bergelar Raja Bendahara Banggol, kemudiannya menaiki tahkta pemerintahan selepas kemangkatan kekanda Baginda, Sultan Muhammad I. Sementara itu, Long Tam pula yang di beri gelaran Raja Temenggong Arya Pahlawan dan diberi kuasa di bahagian Ulu Kelantan telah mangkat dibunuh.

Long Jenal telah dituduh bersubahat dengan pertolongan masyarakat Cina Galas dalam komplot pembunuhan ini. Anakanda kepada Long Tam, iaitu Long Senik, yang juga merupakan anak angkat kepada Long Yunus, telah melancarkan serangan terhadap Long Jenal. Berlakulah perang saudara di kalangan Kerabat Di Raja dan pengikut masing-masing ketika itu. Peperangan saudara ini telah banyak mengorbankan banyak nyawa. Majalah Pengasuh keluaran 28hb Syaaban 1351H (26hb Disember 1932) menyebut tentang peristiwa ini:

*"Adapun Sultan Muhammad ini tiada beroleh putra atau pun putri, maka diambilnya putra saudaranya Raja Temenggong [Long Tam] pemerentah Ulu yang bernama Tuan Long Senik Mulut Merah itu membuat putranya. Maka dipandang oleh saudara-saudaranya tiada dapat sempurnakan hal negeri. Pada hal anak saudaranya ini telah nampak kepadanya menjadi seorang yang bijaksana, berwasiatlah ia kepada saudara-saudaranya dan juga kepada Raja Legor yang Negeri Kelantan ini [diwariskan] kepada Tuan Long Seniklah kerajaannya kelak. Maka dengan sebab itu terbakarlah Raja Temenggong [Long Tam] di Ulu Galas oleh api yang dinyalakan kepada rakit peraduannnya. Maka hal ini telah jadi perbunuhan yang banyak ke atas Cina Galas hingga ikan di Sungai Besar itu tidak dimakan orang kerana jumpa kuku- rambut dan daging-daging manusia. Dan terkeluar Raja Bendahara [Long Jenal] dari watannya Kelantan, tetapi apabila Kekandanya Sultan Muhammad ini dalam gering yang sangat, kembalilah ia ke negeri dan apabila hilang ke rahmatullah, maka masing -[masing anak raja] pun memerentah."*

Long Senik telah dapat menguasai takhta pemerintahan pada tahun 1837, kemudiannya Baginda dikenali sebagai Sultan Muhammad II.

Dalam sejarah pentadbiran pula, Sultan Ismail Bin Sultan Muhammad IV telah melantik Taukeh Yap Hong Kee sebagai ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan berkuat-kuasa pada 15hb Februari 1927. Beliau sebelumnya telah mengantikan mendiang abangnya Yap Kuan Soon yang telah berkhidmat sebagai juru-bahasa Cina kepada al-Sultan.

Sehingga sekarang masyarakat Cina di Kelantan hidup damai makmur, berganding-bahu menyumbang jasa kepada negeri dalam bidang masing-masing. Masyarakat Kelantan tidakpun mendapat tempias daripada peristiwa tragis 13 Mei 1969 yang menimpa negara ketika itu. Dengan rahmat Allah, Kelantan tiada pernah mencatit sebarang perselisihan kaum sehingga kini, Alhamdulillah. **Kepada Tuhan Kelantan berserah.**

*Foto oleh Sheih*



Kelainan bangsa bukan kebetulan tetapi sengaja Allah S.W.T cipta. Ia adalah tanda kebesaran Allah

- Y.A.B Tok Guru

# MERAIKAN KELAINAN BANGSA

# Saya Sedia Terima Pemimpin Bukan Melayu Sebagai MB Kelantan



demikian pengakuan Y.A.B Menteri Besar Kelantan, bahkan katanya beliau bersedia turun padang untuk berkempen jika pemimpin itu memiliki kelayakan yang dihajati beliau. Pendedahan ini dibuat sewaktu sessi temubual dengan Timbalan Ketua Pengarang Qiadah, Syed Azidi sempena Tahun Baru Cina.

**Tuan Guru Menteri Besar bersendirian di Pejabatnya di Kompleks Kota Darul Naim sewaktu saya melangkah masuk.** Sesekali beliau mencatatkan sesuatu di dalam tulisan jawi ke buku notanya. Walaupun telah beberapa kali menemubual Tuan Guru sebelum ini, namun ini merupakan julung kalinya saya diamanahkan untuk menemubual ikon rakyat Kelantan ini secara eksklusif.

Pejabat itu malap sahaja. Menjadi polisi Y.A.B Menteri Besar sejak pertama kali lagi melangkah ke Pejabat itu 18 tahun dahulu untuk menjimatkan sumber tenaga elektrik. Beliau hanya akan memasang lampu di mana beliau berada sahaja dan kecerahannya cukup sekadar untuk dirinya, tidak lebih bahkan bersedia menghadapi kekurangan.

Ini mengingatkan saya kepada ucapan Tuan Guru sewaktu Majlis Ramah Mesra PMBK Sawit Sdn Bhd pada malam sebelumnya yang antara lain Tok Guru berkongsi dengan tetamu yang hadir ritualnya setiap kali masuk ke pejabat.

"Sampai ke pejabat, saya nak sembahyang sunat dulu mohon keberkatan, bila tiba waktu sembahyang, pejabat saya jadi Musalla untuk kakitangan saya," katanya.

Y.A.B Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat, Menteri Besar Kelantan terpanggil untuk membuat kenyataan kepada Qiadah setelah membaca artikel tulisan Chok Suat Ling di dalam *The New Straits Times* bertajuk **Time For Change Is Not Here Yet**.

"*Barack Obama's victory raises the question of whether someone from an ethnic minority can rise up to the highest political office in the land in Malaysia*." tulis pengarang tersebut.

"Kelainan bangsa sengaja Allah S.W.T buat, dan ada ayatnya (di turunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W)," tegas Tok Guru membuka tirai temubual ini setelah beliau memadamkan suis lampu di mejanya dan menghidupkan suis lampu di sofa tempat saya menemubualnya.

"Satu daripada tanda kebesaran Allah ini ialah langit dan bumi dan dicipta manusia ini berlainan bahasa dan berlainan warna kulit..." Tok Guru menterjemahkan sepotong ayat al Quran yang dibacakannya kepada saya.

Apabila kelainan itu sengaja dibuat oleh Yang Maha Pencipta, mengapakah manusia harus bising dan mengungkit perbezaan ini? Persoalan itulah yang membelenggu Tok Guru apabila melihat suasana politik Malaysia hari ini. Seperti bezanya langit dan bumi, ia bukan sahaja suatu keindahan tetapi perbezaan itu saling perlu memerlukan di antara satu sama lain. Manusia di muka bumi ini akan musnah tanpa langit, dan tidak akan berkumpul awan dilangit tanpa bumi dan air dipermukaannya.

Kembali kepada konteks politik Malaysia hari ini, Tok Guru bertanya, "Kita nak buat macam mana? Nak suruh (Orang) Cina jadi Melayu, nak suruh (Orang) Melayu jadi Cina atau India?"

"Saya dah lama kata, di Kelantan ini, walau majoriti penduduk Melayu, tapi kalau ada orang Cina, orang asli, orang India, orang Thai yang berugama Islam, bukan sekadar berpengetahuan tinggi tentang Islam tapi bercampur dengan iman, taqwanya, waraknya, maka dia berkelayakan untuk jadi Menteri Besar Kelantan," ujar Tok Guru.

"Saya boleh kempen dia jadi Menteri Besar Kelantan, dia nama Ah Chong tak apa tapi dia Islam," tambah Tok Guru.





Masalah etnik atau bangsa tidak harus timbul tetapi bagi Tok Guru, masalah ini timbul kerana kejahilan manusia, "(Masalah) ini segaja dibuat oleh manusia-manusia yang berfikir secara manusia bukan berfikir secara (yang dikehendaki oleh) Tuhan."

Jika pemimpin dan rakyat berfikir secara yang dikehendaki oleh Allah S.W.T, perbezaan warna kulit, bahasa, etnik dan keturunan tidak akan menimbulkan masalah sebaliknya seperti yang dikatakan oleh Tok Guru, kita harus meraikannya sebagai tanda kekuasaan Pencipta kita.

Di dalam negara yang majoriti penduduknya beragama Islam, soal ketuanan Melayu tidak seharusnya timbul kerana setiap orang Islam tahu bahawa di akhirat kelak mereka tidak akan di tanya sama ada kita Melayu atau tidak. Oleh yang demikian mengapa harus dibesar-besarkan soal keturunan di dunia ini?

> **"*Kalau kita orang Melayu pergi duduk di Negeri Cina misalnya, kalau kumpulan politik di sana asyik sebut (pasal semangat) Cina, Cina, Cina depan kita orang Melayu, takkan tak gedebar perut kita?*"**

Bahkan Tok Guru turut bersimpati dengan polemik yang melanda kaum bukan Melayu di Malaysia. "Kalau kita orang Melayu pergi duduk di Negeri Cina misalnya, kalau kumpulan politik di sana asyik sebut (pasal semangat) Cina, Cina, Cina depan kita orang Melayu, takkan tak gedebar perut kita? Takkan tak risau, tak rasa kecewa kita?"

Sebagai seorang veteran dalam arena politik tanah air, Tok Guru yakin, Masyarakat bukan Islam di Malaysia tidak rasa terancam dengan agama Islam. Apa yang menggangu mereka ialah pemahaman mereka terhadap Islam dari konteks yang di bawa oleh Kerajaan Pusat.

Tetapi pada Pilihanraya Umum Mac 2008, landskap politik Malaysia mula berubah apabila majoriti pengundi sudah berani membuang undi tanpa lagi berlandaskan garisan perkauman. Ini jelas terbukti apabila calon-calon Melayu dari Parti Islam Se Malaysia (PAS) memenangi kerusi-kerusi Dewan Undangan Negeri dan kerusi-kerusi Parlimen di kawasan yang memiliki jumlah significant pengundi Bukan Melayu. Di Kuala Lumpur kerusi Parlimen Titiwangsa dimenangi oleh calon PAS Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali menumpaskan calon Barisan Nasional - UMNO dengan majoriti 1,972 undi. Di Selangor, bagi kerusi Parlimen Kota Raja, calon PAS Siti Mariah Mahmud menumpaskan calon BN



dari MIC dengan majoriti 20,751 undi dan Parlimen Shah Alam, calon PAS Khalid Abd. Samad menang dengan majoriti 9,314 undi.

Di Kelantan PAS berjaya merampas kerusi Parlimen Kota Bharu dari BN - UMNO dengan majoriti memeranjatkan sebanyak 11,288 dan mengukuhkan kedudukannya di kerusi DUN Kota Lama dengan peningkatan kepada majoriti 5,206 undi menumpaskan calon

***"Saya nak kata kemuncak usaha saya itu, saya tak datang hati nak sebut," jawab Tok Guru yang tidak pernah mendabik dada di atas sebarang kejayaan.***



BN – MCA di kawasan pengundi Cina amat besar jumlahnya.

Berdasarkan keputusan pilihanraya lalu berasaslah pemahaman Tok Guru bahawa perpaduan masyarakat tidak terancam oleh isu agama tetapi terbatas oleh permainan isu perkauman di kalangan pemimpin segelintir parti politik.

"Benda yang saya sendiri tidak terfikir, bahawa orang Cina, India yang terkenal dengan agama mereka sendiri sekarang ini mengadakan Kelab Penyokong PAS," kata Tok Guru yang juga merupakan Mursyidul Am atau *spiritual leader* kepada parti yang memperjuangkan dasar-dasar Islam itu.

Lalu saya bertanya pada Tok Guru, apakah ini kemuncak kepada pentadbirannya selama 18 tahun di Kelantan yang menyebabkan Masyarakat Bukan Islam boleh menerima partinya?

"Saya nak kata kemuncak usaha saya itu, saya tak datang hati nak sebut," jawab Tok Guru yang tidak pernah mendabik dada di atas sebarang kejayaannya , "Ia adalah kemuncak pendakwah dan PAS



***Foto muka sebelah (atas), Y.A.B Tuan Guru menerima kunjungan hormat dari Perwakilan Kesatuan Eropah (EU) di pejabatnya. Foto atas - Tuan Guru bersama Y.A.B Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang. Bawah kiri - Sidang media bersama wakil Kesatuan Eropah. Bawah kanan - Tuan Guru di sambut oleh wakil masyarakat India.***

***"Masyarakat Cina buat sekolah Cina, mereka tak marah, (Masyarakat) Cina ada suratkhabar Cina, mereka tak marah, ada berita Cina di radio dan TV, tak marah... tapi bila nak tulis nama jalan dalam Bahasa Cina nak marah... eh apa lagu ni?"***



yang memperjuangkan Islam, saya hanya seorang daripada aktivis-aktivisnya."

"Saya selalu sebut, Islam adalah jawapan mengubat masalah etnik," tambahnya dan beliau yakin faham kebangsaan atau nasionalisme adalah racun kepada perpaduan masyarakat berbilang kaum seperti Malaysia. Ternyata Tok Guru amat kesal kerana racun itulah yang disalah guna hari ini kononnya bagi menyelesaikan polemik yang melanda.

Saya juga tidak melepaskan peluang menjolok soalan berhubung pentadbiran Y.A.B Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang, "Sejak menjadi Ketua Menteri, dia (Y.A.B Lim) bercakap benda-benda



*Foto kiri - Y.A.B Tuan Guru sedang mewarnakan Singa Batik, satu tradisi 'menghidupkan' Singa tersebut untuk persembahan. Foto muka sebelah - Tuan Guru sedang membaca terbitan sulong Majalah Qiadah di Pejabat Menteri Besar Kelantan.*





yang kalau orang Melayu dengar, terbuka pintu hati," itu ulasan Tok Guru.

"Dia bercakap soal amar ma'ruf nahi mungkar, cerita (Khalifah) Umar Abdul Aziz, benda-benda begini pemimpin-pemimpin yang mengaku Islam sendiri kadang-kadang tak sebut."

"Mudah-mudahan Allah S.W.T gantikan (pemimpin-pemimpin) Melayu yang tak terima Islam dengan (pemimpin-pemimpin) Cina yang boleh mendekati (dasar-dasar pentadbiran) Islam," seru Tok Guru.

Tok Guru termenung seketika. Saya menerimanya sebagai petanda temubual kami sudah tiba ke penghujungnya. Tetapi sebelum sempat saya mengucapkan terima kasih, Tok Guru bingkas bersuara semula, "Masyarakat Cina buat sekolah Cina, mereka tak marah, (Masyarakat) Cina ada suratkhabar Cina, mereka tak marah, ada berita Cina di radio dan TV, tak marah... tapi bila nak tulis nama jalan dalam Bahasa Cina nak marah... eh apa *lagu* ni?"

"Logik apa lagu ni... (tergelak). Sedangkan bahasa ini adalah (salah satu) nikmat (daripada) Allah S.W.T," Tok Guru memandang saya dan melafazkan sepotong ayat suci Al Quran lalu diterjemahkannya, "...Satu daripada tanda kebesaranKu, Aku buatkan bahasa berlainan."

Tidak ada cara yang lebih baik dari mengakhiri tulisan ini selain dari mendalami ingatan Tuan Guru Menteri Besar Kelantan kepada kita, perbezaan warna kulit, bahasa, adab dan budaya adalah suatu nikmat buat kita umat manusia. Oleh itu, mengapa tidak kita meraikannya?



rozaimi OPTOMETRIST

www.rozaimi.com






KELANTAN

KOTA BHARU (1)
PT 26, Bangunan SEDC
Pasar Buluh Kubu
15000 Kota Bharu
Kelantan
Tel : 09-7444252

KOTA BHARU (2)
PT 408 Vista Square
Jalan Kebun Sultan
15300, Kota Bharu
Kelantan
Tel : 09-7438494

KOTA BHARU (3)
PT 340, Seksyen 25
Jalan Sultan Yahya Petra
15200, Kota Bharu
Kelantan
Tel : 09-7478633

TANAH MERAH
Lot PT 5646,
Desa Barakah, Jalan Pasir Mas
17500 Tanah Merah
Kelantan
Tel : 09-7551600

PASIR PEKAN (ROT)
PT 2021, Desa SBJ Putra Pasir Pekan
16250 Wakaf Bharu
Kelantan
Tel : 09-71820340

TUMPAT
Lot 122, Jalan Hilir Pasar
16200 Tumpat
Kelantan
Tel : 09-7255687

PASIR MAS
PT 244, Jalan Masjid Lama
17000 Pasir Mas
Kelantan
Tel : 09-7901034

RANTAU PANJANG
No. 1240, Tingkat Bawah
Atas Taman Jaya Indah,
Banggol Kulim
17200 Rantau Panjang
Kelantan
Tel : 09-7951004

GUA MUSANG
Blok A PT 7767
Tkt Bawah, Taman Mesra
Jalan Persiaran Raya
18300 Gua Musang
Tel : 09-9121535

JELAWAT
Lot 125, Pasar Jelawat
16070 Bachok
Kelantan
Tel : 09-7782535

TERENGGANU

JERTEH
407, Jalan Besar Jerteh
22000 Jerteh
Terengganu
Tel : 09-6903930

SELANGOR

SHAH ALAM
43, Jalan Pinang B, 18/B
Seksyen 18, 40200 Shah Alam
Selangor
Tel : 03-55425252

KLANG
218, Jalan Sg. Bertek
Off Jalan Teluk Pulai
41100 Klang,
Selangor
Tel: 03-33749869

TAMAN SRI ANDALAS
Lot 34, No 50,
Jalan Sri Andalas
41200 Klang
Selangor
Tel: 03-33248494

NEGERI SEMBILAN

SENAWANG
77-G, Jalan Taman Komersial 4
Taman Komersial Senawang
70450 Seremban,
Negeri Sembilan.
Tel : 06-6788969

JOHOR

JOHOR BHARU
No 25, Jalan Persiaran
Larkin Perdana
Susur Perdana 1
80350, Johor Bharu
Johor
Tel: 07-2352535









# ANUAR TAN

## Jarum Emas Benang Sutera Milik Kerajaan Negeri Kelantan



Beliau mempunyai alasan tersendiri untuk mengelak diri daripada berdepan dengan kehadiran media atau wartawan bukan semata-mata tidak mahukan publisiti atau populariti. Sebaliknya, beliau sudah serik terjerat dalam permainan yang dicanang oleh media massa.

"Saya jadi takut. Saya tak tahu sama ada wartawan atau editornya (yang) selalu memanipulasi kenyataan saya. Saya kata putih, mereka kata hitam. Mereka tulis sesuatu yang tidak keluar dari mulut saya tetapi keluar dari mulut mereka sendiri."

"Saya takut. Saya perit. Saya tak mahu timbulkan kontroversi. Saya bukan seorang yang nakkan populariti, Saya bekerja untuk dapatkan sokongan rakyat melalui khidmat yang saya berikan."

Katanya, seseorang wakil rakyat mudah terkenal dengan dua cara iaitu pertama, pandai berpidato, berhujah, berceramah dan kedua melalui khidmatnya kepada masyarakat dan rakyat. Jadi beliau memilih untuk 'bermanja' bersama rakyat dengan memberi khidmat dan bantuan sebagaimana yang dipertanggungjawabkan ke atasnya oleh Kerajaan Negeri dan parti.

**Bukan senang untuk mendapatkan sesi temubual bersama satu-satunya tokoh politik kaum Cina di Kelantan, Dato' Haji Anuar Tan Abdullah, 58. Sehinggalah pertemuan antara penulis, Siti Masitah Mohamed dengan ADUN Kota Lama itu berjaya di atur oleh Ketua Operasi PMBK sendiri, Ir Abdul Ariffahmi Abd. Rahman.**

Dato' Anuar Tan Abdullah mula bergiat aktif di pentas politik sejak awal 1980an dengan menyertai Parti Gerakan dalam Barisan Nasional (BN) bersama-sama sahabatnya, bekas Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Timbalan Ketua Pemuda Gerakan dari tahun 1986 hingga 1992.

"Sepanjang 12 tahun saya cuba untuk mengubah dan baiki dasar parti namun tak pernah berjaya. Sejak itu saya jadi tidak aktif lagi dalam Gerakan sebaliknya lebih memberi sokongan kepada PAS yang menang pertama kali pada 1990," katanya.

Kemudian, pada tahun 1994 Anuar Tan mula berjinak-jinak dengan Parti Islam SeMalaysia (PAS) di tambah pula dengan pelawaan sahabat baiknya, Cikgu Rahim (Dato' Wan Abdul Rahim Wan Abdullah, Ahli Parlimen Kota Bharu) supaya menjadi salah seorang daripada Ahli Majlis di Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB).

"Di situlah bermulanya karier politik saya dalam PAS. Cikgu Rahim ibarat mentor kerana banyak memberi semangat dan sokongan kepada saya. Pada tahun 1999 saya sertai Pilihan Raya Umum dan menjadi calon Dun Kota Lama (Parlimen Kota Bharu) yang selama ini kubu kuat MCA,

"Sejarah, kerana pertama kali PAS menang di situ dengan majoriti yang cukup selesa. Kerajaan Negeri juga melantik saya sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco). Sekarang sudah tiga penggal saya menyandang kerusi Dun Kota Lama," kata Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan, Perdagangan dan Perpaduan Masyarakat Negeri.

Bercerita mengenai latarbelakang keluarga, Adun yang agak berahsia ini menjelaskan bapanya terlebih dahulu memeluk agama Islam setelah berkahwin dengan wanita tempatan yang berasal dari Pantai Damat, Bachok. Bapanya menjalankan urusniaga perikanan dan mempunyai bot menangkap ikan.

"Ibu saya sudah meninggal dunia, masa itu saya dan abang masih kecil. Jadi ayah berkahwin lain dan kami tinggal bersama-sama. Ayah saya bagus, dia tak paksa saya supaya masuk Islam walaupun usia saya sudah belasan tahun. Dia beri kebebasan untuk saya membuat keputusan. Akhirnya pada umur 21 tahun saya masuk Islam, begitu juga dengan abang saya,".

Apabila ditanya samada orang Cina di Kelantan boleh menerima dasar Kerajaan Negeri, beliau berpendapat orang Cina di Kelantan bertuah kerana bebas menjalankan aktiviti perniagaan, menganuti agama tradisi dan mengamalkan kebudayaan sendiri.

"Boleh dikatakan orang Cina di sini bebas secara total di bawah kepimpinan Tok Guru, sejajar dengan prinsip Islam. Sebab itu mereka memberi sokongan penuh pada kita (PAS), misalnya di Kota Lama kita menang sampai 5,000 majoriti. Ini gambaran bahawa mereka cukup puas hati," jelas Bendahari Badan Perhubungan PAS Negeri ini.

Malahan konsep 'multi cultural tourism' yang diadaptasi oleh Kerajaan Negeri membolehkan penganjuran pesta kebudayaan Cina jelas menunjukkan kebebasan hakiki kaum Cina menikmati budayanya dengan baik sekali.



*Foto atas, YB. Dato' Anuar Tan sedang berucap di Majlis anjuran Masyarakat Cina dan foto sebelum ini, sewaktu berhujah di Persidangan Dewan Negeri Kelantan.*

Beliau menegaskan bahawa dasar yang diamalkan PAS adalah sama rata untuk semua kaum. "Keadilan adalah landasan perjuangan PAS selama ini kerana Tok Guru mentadbir merujuk kepada Al Quran dan Hadis dalam semua segi," tambah beliau lagi.

"Dalam hal agama lagilah bebas sampai Kelantan ada tiga patung tokong terbesar di Asia Tenggara yang berdiri, berbaring dan duduk untuk jalankan ajaran keagamaan untuk masyarakat Cina dan Siam di negeri ini," tegas Anuar.

Dalam bidang pendidikan kaum Cina pula, Kerajaan Negeri begitu komited membantu dengan meluluskan tanah seluas 1,000 ekar kepada sekolah persendirian Chung Hwa di Kok Lanas, Ketereh.





*Lakaran potret Dato' Anuar Tan sewaktu menggulung perbahasan di Persidangan Dewan Negeri Kelantan. Muka sebelah Foto atas, mengiringi Y.A.B Tuan Guru Menteri Besar ke Pesta Kebudayaan Masyarakat Cina 2007 di Kota Bharu. Foto bawah, mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Negeri Kelantan setelah berjaya mempertahankan Kerusi DUN Kota Lama dalam Pilihanraya Umum ke 12, Mac 2008 yang lalu.*

“Ini salah satu faktor tarikan kaum Cina terhadap PAS. Sekolah kebangsaan yang tak cukup tanah pun Kerajaan Negeri pertimbang untuk beri tanah untuk besarkan keluasan sekolah,

“Kerajaan Negeri tidak pernah abai dan ceroboh hak setiap kaum. Peluang mereka untuk menjalankan perniagaan, keagamaan, amalkan adat resam dan pelajari bahasa ibunda mereka. Kita tidak halang, bahkan beri sokongan lagi,” tegas beliau.

Peranan Dato’ Anuar Tan lebih jelas disifatkan sebagai jambatan yang menghubungkan Kerajaan Negeri dengan komuniti kaum Cina. “Itu saya tidak tahu (ketawa), mungkin itu pendapat media massa dan pihak tertentu. Kalau saya ni rakyat, baru saya tahu. Saya tak boleh kata saya orang penting”. Namun beliau berpendapat ketokohan, karisma dan imej Tuan Guru Menteri Besar yang mentadbir negeri dengan aman dan adil merupakan penyebab utama kepada sokongan kuat kaum tersebut.

Pada masa yang sama beliau juga mempunyai hujah tersendiri. “Sebuah kerajaan sebenarnya tak bergantung kepada individu. Pemimpin datang dan pergi, yang penting ialah polisi dan dasar kerajaan. Yang penting mesra rakyat, kondusif untuk semua masyarakat berbilang kaum. Penting sekali keadilan, bersih, jauh daripada rasuah, jauh daripada salah guna kuasa. Ini yang rakyat mahukan. Lagipun saya tak bimbang, kerana saya nampak polisi yang kita buat adalah polisi mesra rakyat, satu polisi Islam.

Berbanding negeri lain yang hanya memikirkan soal keistimewaan hak orang Melayu dan hak bukan Melayu, Anuar Tan berkata “Kelantan berbeza kerana rakyat negeri ini terutama orang Melayu lebih memikirkan mereka sebagai orang Islam daripada hanya memikirkan mereka orang Melayu. Orang Melayu dengan Melayu Islam tu lain, berbeza”. Tambah beliau lagi.





“Di Kelantan ni Melayu Islam lebih memikirkan soal agama Islam terlebih dahulu. Jadi Islam memikirkan bahawa bangsanya adalah sama daripada keturunan Nabi Adam. Hanya perbezaan warna kulit, bahasa, geografi dan bangsa sahaja. Sebab itu orang Kelantan tak kira Melayu ke, Cina ke, India ke hidup seolah-olah satu keluarga,” jelasnya.

Di tanya sampai bila beliau akan terus berjuang dalam arena politik beliau menegaskan “Darah daging saya adalah politik, daripada muda lagi. Saya akan terus berjuang sampai tua dan sampai tak ‘cekak’ seperti Tok Guru. Itu tugas kita, tanggungjawab yang Tuhan beri pada kita untuk berjuang dan berkhidmat kepada rakyat ” katanya.

Beliau mendirikan rumah tangga dengan Datin Zainab Mohamad, 55, dan dikurniakan tujuh anak yang berumur antara 18 tahun hingga 32 tahun. Beliau kini menetap di Kampung Teluk Panji, Kota Bharu.



# GAHARU

## ANUGERAH DARI KECEDERAAN

**Baik Sami Buddha dari Indochina, Saudagar Wangian dari Timur Tengah, Pengeluar Colok dari Jepun atau pengumpul artifak, kesemuanya berkumpul di Bangkok pada Mac 2007 yang lalu bersama ahli-ahli pathologi, pakar perhutanan, ahli ekonomi, antropologi, saintis dan bakal usahawan. Tujuannya hanya satu, iaitu menyertai Persidangan Gaharu Antarabangsa yang melibatkan peserta dari 30 buah negara. Turut tidak mahu ketinggalan ialah kumpulan-kumpulan pencinta alam sekitar yang semakin gentar dengan minat yang meluas terhadap pokok Depu.**

Kemajuan penyelidikan dan pembangunan telah membuka ruangan baru yang membolehkan pokok-pokok Depu di cederakan secara berkala menerusi proses rawatan bagi penghasilan Gaharu atau emas hitam dari belantara.

Hari ini, kita tidak perlu lagi menanti pokok gaharu di panah halilintar, atau ditetak untuk membolehkan Gaharu terhasil.

**Apa Itu Gaharu?**

Apakah itu Gaharu yang sudah sekian lama menjadi sebutan? Bahkan masyarakat Melayu telah lama menggunakan Gaharu sebagai pembayang kepada pantun yang berbunyi, sudah Gaharu Cendana pula, sudah tahu bertanya pula. Namun masih ramai yang belum tahu dan bila PMBK Sawit menguar-uarkan minatnya untuk menceburi bidang penanaman Depu, ramai yang mula bertanya-tanya.

Gaharu sudah mula didagangkan sejak dahulukala lagi malah menurut Gerard A. Person dari Institute of Enviromental Sciences di Leiden University, dalam artikelnya bertajuk Agarwood: The Life Of A Wounded Tree, wujud kepercayaan bahawa ia telah diniaga di laluan perdagangan antarabangsa yang terawal dalam sejarah. Masyarakat Mesir Purba dipercayai telah menggunakan Gaharu sebagai sebahagian daripada ritual perkebumian jenazah sejak 3,000 tahun dahulu. Manakala di Negara Jepun, Gaharu dikatakan bertapak bersama dengan kedatangan ajaran Buddha. Teks purba Vietnam pula mencatatkan bahawa Gaharu telah dibawa ke sana melalui pengembaraan sami-sami Buddha yang awal.

Menurut artikel dari Jabatan Perhutanan bertajuk "Tapping The Wealth Of Our Woods", Gaharu sudah lama didagangkan di negara ini. Ia dipelopori oleh masyarakat orang asli di pedalaman Semenanjung Malaysia. Penduduk tempatan dilaporkan terlibat terutamanya di Kelantan, Pahang dan Perak.

Gaharu yang di kenali sebagai Chn-Xiang dalam bahasa Cina, Jinkoh dalam Bahasa Jepun dan Oud dalam Bahasa Arab terhasil menerusi pengeluaran resin dari pokok-pokok kumpulan Aquilaria. Resin ini terhasil akibat tindakbalas pathologi apabila pokok-pokok dari kumpulan ini mengalami kecederaan. Ia juga dikatakan terhasil akibat tindak balas terhadap jangkitan kekulat. Bagaimanapun, tidak kesemua kumpulan Aquilaria akan menghasilkan resin dan hampir mustahil untuk menentukan samada pohon itu menghasilkan resin atau tidak menerusi pengamatan luaran.

Dipercayai terdapat 25 spesies pokok Aquilaria dan ia tumbuh meliar di Selatan dan Tenggara Asia. Daripada jumlah ini, 5 spesies dikenalpasti tumbuh di hutan di Malaysia iaitu Aquilaria Hirta, Aquilaria Malaccensis, Aquilaria Beccariana, Aquilaria Microcarpa dan Aquilaria Rostrata. Banyak kajian saintifik telah dijalankan ke atas spesies Aquilaria Malaccensis atau di kenali dengan nama Depu Kapas oleh penduduk tempatan, namun tidak pula pada spesies-spesies lain.



*Y.A.B Menteri Besar Kelantan diiringi YB. Dato' Haji Husam Musa, Ahli Exco dan juga Pengerusi PMBK Sawit melawat ke tapak rawatan pokok Depu di Dewan Beta, Kelantan.*

**Ekonomi Mapan Gaharu**

**YB. Dato' Haji Husam Musa, Pengerusi PMBK Sawit melihat prospek ekonomi di dalam Industri Gaharu sebagai satu lapangan yang harus diterokai secara serius. Maka anak syarikat Perbadanan Menteri Besar Kelantan ini telah dilihat sebagai kenderaan yang berpotensi memacu sumber ekonomi ini secara mapan.**

**Bagi peringkat permulaan PMBK Sawit memperuntukan seluas 425 ekar (172 hektar) tanah di Kompartmen 67 Hutan Simpan Batu Papan, Blau di Jajahan Gua Musang bagi penamanan Depu.**



**Proses penanaman telah mula dijalankan pada bulan Jun 2008 dan sehingga kini sejumlah 60,000 pokok dari spesies Malaccensis, Crassna dan Sub-Integra telah ditanam. PMBK Sawit sedang mencari pelabur-pelabur dari dalam dan luar negara bagi menjayakan projek ini secara komersil.**

**Bagi setiap keluasan 1 ekar, sebanyak 400 pokok boleh di tanam dengan jarak 3 meter kali 4 meter di antara setiap pokok dan PMBK Sawit menganggarkan sebanyak 170,000 pokok dapat di tanam di tapak tersebut menjelang penghujung tahun 2009.**

Berdasarkan Inventori Hutan Kebangsaan Ke Empat yang dijalankan pada 2002 hingga 2004, dianggarkan masih terdapat sejumlah 3.55 juta pohon Aquilaria yang tumbuh pada keluasan tanah sejumlah 1.79 juta meter persegi.

Habitat semulajadinya adalah pada altitud dari beberapa meter ke 1,000 meter dari aras laut. Bagaimanapun, ia paling subur tumbuh di ketinggian 500 meter. Ia membesar dengan cepat dan mula menghasilkan bunga dan biji pada usia seawal 4 tahun.

**Nilai Ekonomi Gaharu**

Menurut Jabatan Perhutanan Malaysia nilai ekonomi bagi Gaharu adalah amat tinggi. Resin yang dihasilkan digredkan Jabatan Perhutanan dengan gred Super A, A, B, C serta D. Bagi produk-produk yang dihasilkan dari resin dan teras Gaharu nilainya di pasaran antarabangsa hingga mencecah USD30,000 (lebih dari RM100,000) se kilogram.

Bagaimanapun, kebanyakan kulit dan kayu pokok Depu diproses untuk menghasilkan minyak Gaharu bagi menghasilkan wangi-wangian dan produk kosmetik. Permintaannya amat tinggi terutamanya di Pasaran Timur Tengah. Harga bagi minyak Gaharu yang berkualiti tinggi adalah diantara USD50,000 hingga USD80,000 (lebih dari RM240,000) se liter.

Minyak Gaharu juga digunakan di dalam perubatan tradisional Cina dan Korea. Kajian secara saintifik juga sedang dijalankan terhadap penggunaan bahagian-bahagian tertentu dari pokok Depu untuk merawat penyakit barah.







*Foto muka sebelah, batang pokok Depu liar yang menjalani proses rawatan. Foto atas, Seorang pekerja sedang menebuk lubang pada batang pokok Depu. Ini adalah sebahagian daripada proses rawatan secara fizikal. Foto bawah kanan, Dr. Mat Rasol Awang, Pegawai Penyelidik Kanan di MINT. Foto bawah kiri, kulit dan serpihan kayu Depu yang dihancurkan sedang menjalani proses pemeraman. Sebahagian dari proses bagi menghasilkan minyak.*

**Pasaran dan Masa Hadapan**

Menurut Dr. Mat Rasol Awang, Pegawai Penyelidik Kanan dari Institut Penyelidikan Nuklear Malaysia (MINT), bekalan Gaharu berdasarkan jumlah pokok Aquilaria di dunia hari ini hanya cukup memenuhi 20 peratus daripada permintaan dunia.



**Dari sudut perancangannya PMBK Sawit bercadang mewujudkan skim pelaburan bagi setiap ekar yang di tanam dengan pokok tersebut. Anggaran awalnya PMBK Sawit merancang mendapatkan RM200,000 bagi setiap ekar dari pelabur tempatan dan luar negara dan mensasarkan pendapatan sebanyak RM200 juta dari pelaburan itu. Setiap pelabur akan menerima sijil pelaburan yang boleh ditebus pada harga semasa selepas pelaburan itu matang.**

Berdasarkan perangkaan tersebut dan berbekalkan nilainya dari sudut ekonomi, ternyata pelaburan di dalam bidang penanaman Depu untuk menghasilkan Gaharu adalah amat positif sekali.

Namun begitu pokok-pokok dari Kumpulan Aquilaria yang tumbuh meliar dan menjadi sumber utama penghasilan Gaharu untuk beribu tahun lamanya sudah semakin pupus dari habitat asalnya. World Conservation Union (IUCN) telah menyenaraikan spesies Aquilaria Crassna yang terdapat di Vietnam dan spesies Aquilaria Malaccensis sebagai spesies terancam. Oleh yang demikian, kedua-dua spesies ini kini dilindungi bagi mengelak kepupusannya oleh Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora (CITES).

Adakah Gaharu yang kini diperolehi secara semujadi dapat diganti dengan penghasilannya secara tiruan? Jawapannya tidak. Gaharu tidak boleh dihasilkan menerusi proses sintesis. Walaupun 'Chemical substitutes' telah digunakan untuk penghasilan haruman dan lebih murah harganya namun ianya jauh dari berupaya menandingi qualiti yang dihasilkan secara semulajadi.

Komponen kimia terpenting yang bertanggungjawab menghasilkan bau dari produk Gaharu ialah sesquiterterpenes dari segi prinsipnya boleh ditiru menerusi teknik sintesis. Namun disebabkan strukturnya yang terlalu complicated menjadikan ianya amat mahal untuk dihasilkan dan tidak berdaya saing.

Oleh yang demikian, penghasilan Gaharu secara semulajadi menerusi pokok Depu terus mempunyai masa depan yang memberangsangkan. Hari ini, proses rawatan ke atas pokok Depu di buat dengan mencederakan pokok-pokok itu secara terkawal dan berjadual. Terdapat tiga kaedah rawatan iaitu rawatan secara fizikal dengan mencederakan batang pokok tersebut samada dengan menebuk lubang atau cara tradisionalnya ialah menetak batang pokok itu dengan parang. Keduanya ialah rawatan menggunakan bahan kimia dan yang terakhirnya ialah rawatan secara biologikal. Rawatan secara biologikal dibuat dengan menggunakan kekulat atau microb.

Hari ini, kebanyakan kaedah rawatan dibuat dengan menggabungkan ke tiga-tiga teknik tersebut. Kaedah rawatan adalah satu proses inokulasi yang memangkin penghasilan resin oleh pokok. Resin adalah antibodi yang dihasilkan oleh pokok bagi mengubatinya dari kecederaan dan jangkitan.

Proses rawatan ke atas pokok Depu boleh dilakukan seawal usia pokok 5 tahun dan rawatan secara sistematik ini akan berterusan selama 2 tahun atau lebih untuk menghasilkan teras. Teras terbentuk daripada penghasilan resin yang likat.







**Anggaran minimum pendapatan yang boleh diperolehi dari penghasilan teras atau Heartwood yang terbentuk menerusi proses rawatan dalam tempoh 8 ke 10 tahun ialah berjumlah RM5,000 bagi setiap pokok. Anggaran ini berdasarkan kepada penghasilan gred terendah dengan harga pasaran semasa lebih kurang RM1,000 per kilogram dan tidak termasuk pulangan menerusi proses penghasilan minyak Gaharu dari kulit pokok tersebut. Oleh yang demikian, secara minimum dianggarkan setiap ekar yang ditanam boleh menghasilkan pulangan sebanyak RM2 juta.**

***Foto mukasurat sebelum atas, pekerja sedang membuat semburan pada batang pokok Depu. Ini adalah sebahagian daripada kaedah rawatan menerusi teknik yang menggunakan bahan kimia. Foto bawah, minyak Gaharu berwarna gelap kehijauan terbentuk menerusi proses penyulingan.***



Selepas beberapa bulan rawatan mula dilakukan, kulit-kulit dan serpihan pokok ini ambil dan digunakan bagi menghasilkan minyak Gaharu. Minyak ini terhasil apabila kulit-kulit kayu direndam dengan larutan khas dan diperam untuk jangkamasa tertentu. Kemudianya ia di rebus dan disuling bagi mengasingkan minyak dengan air.

Pada 27 Ogos yang lalu, Kerajaan Negeri Kelantan menerusi Perbadanan Menteri Besar Kelantan telah melancarkan Skim Galakan Penanaman Gaharu. PMBK telah memberi 5 anak pokok Depu kepada penduduk kampung yang terpilih. Penanaman pokok Depu dilihat dapat memberi pendapatan sampingan yang lumayan kepada penduduk kampung dan seterusnya membantu mengingkatkan pendapatan mereka menerusi sumber yang baru.

Anak syarikat PMBK iaitu PMBK Sawit Sdn Bhd juga telah diperuntukan tanah seluar 425 ekar untuk menanam pokok Depu secara komersil.





***Foto atas dan bawah, Teras atau Heartwood yang terbentuk di dahan pokok depu. Foto tengah, minyak Gaharu yang dihasilkan oleh pengusaha tempatan (foto ehsan Somsark, Agarwood Fatani)***

# Kifaalah
## Manfaat Yang Tidak Ternilai

Oleh Siti Masitah Mohamed



Fatimah Daud, 88 tahun meninggal dunia di rumahnya di Pengkalan Chepa pada 30 April 2008. Beliau merupakan pencarum skim Takaful Kifaalah. Namanya mula didaftarkan ke skim tersebut pada awal Mac 2008

Anak bongsunya, Mat Din Abdullah, 56, seorang petani dan membuat kerja-kerja kampung-manakala isterinya, Zainun Abu Bakar, 52, adalah surirumah sepenuh masa. Pasangan ini mempunyai 10 orang anak dan lima cucu.

Pada hari kematian, keluarga Mat Din menerima wang pendahuluan caruman Takaful Kifaalah sebanyak RM500 yang diserahkan oleh Adun Tanjong Mas, Yang Berhormat Puan Rohani Ibrahim.

Zainun berkata, mereka sekeluarga amat lega dengan wang yang diterima selepas kematian ibu mertuanya itu kerana dapat membayar semula duit yang dipinjam dari saudara-mara untuk pengurusan jenazah.



"Duit tu boleh bayar upah gali kubur dan buat jamuan doa selamat. Rasa lega sikit kalau tak, susah juga nak keluar belanja serta-merta macam tu," katanya yang masih terasa dengan kehilangan mertua yang disayangi.

Baki caruman sebanyak RM2,000 pula diterima pada pertengahan Ramadhan lalu. Zainun dan keluarganya amat bersyukur kerana Kerajaan Negeri membantu golongan berpendapatan rendah sepertinya.

Pandangan Mat Din dan Zainun turut dikongsi bersama pasangan Wee Chay Pin @ Wee Guan Chai, 62, dan isterinya Tim Mek Ein, 57, yang menetap di Kampung Chekok, Pasir Mas. Pasangan ini mengakui skim ini amat bermanfaat dalam meringankan beban sewaktu menguruskan upacara pengebumian ibunya, Ong Jok Tuan, 83, tahun lalu.

"Walaupun jumlah yang diterima tidak banyak tapi sekurang-kurangnya boleh meringankan beban dan menampung perbelanjaan menguruskan orang mati kerana kadang-kala kosnya boleh mencecah sehingga RM15,000 seorang," katanya.

Mendiang Ong Jok Tuan meninggal dunia pada 7 April 2007 akibat sakit tua adalah pencarum skim berkenaan. Wang pendahuluan sebanyak RM500 diserahkan sendiri oleh Adun Chetok, Yang Berhormat Ustaz Abdul Halim Abdul Rahman pada hari kematian mendiang manakala cek baki caruman bernilai RM2000 diterima sebulan kemudian.


**KIFAALAH SDN BHD**

Lot 5393-E, Jalan Telipot,
15050 Kota Bharu, Kelantan
Tel : 09-7476336
Faks : 09-7476226





# Kerjasama Darul Digital &BuseFilm

**Oleh : Siti Masitah Mohamed**

**D.D Multimedia Solution Sdn Bhd (Darul Digital)** sekali lagi mengutip pengalaman berharga dengan penglibat secara langsung di dalam pembikinan dokumentari tarian asli Makyong di Kelantan bersama Busefilm, sebuah syarikat produksi antarabangsa berpangkalan di Jerman pada Oktober 2008.

Hubungan akrab Pengarah Program Darul Digital, Encik Hassan Muthalib dengan Pengarah Hassan Muthalib dengan Pengarah Culture Centre, Gotehe Institute Kuala Lumpur iaitu Volker Wolf melestarikan impian Busefilm merakam identiti sebenar tarian Makyong di Kelantan.

Dokumentari yang memaparkan seni-seni tradisi sedunia ini di arah oleh Norber Buse yang juga bertindak sebagai Jurukamera. Turut membantu, Dmitri Psarris yang berperanan sebagai Pengurus Produksi dan Christof Debbler sebagai Penata Bunyi.

Cerita asal dokumentari lakonan semula ini adalah ilham Hassan Muthalib sendiri yang turut dipertanggungjawabkan oleh Busefilm sebagai Penolong Pengarah, Pengarah Seni dan Kesinambungan.

Lokasi yang dipilih mencerminkan dunia sebenar tarian Makyong seperti Rumah Rakit, Sungai Kelantan, Restoran Seni Ukir, Pulau Melaka, Gelanggang Seni, sekitar Kota Bharu, kampung nelayan Pantai Kemasin, Bachok dan rumah Pak Agil, Pasir Puteh. Penggambaran selama 11 hari ini juga disertai empat krew Darul Digital yang bertindak sebagai krew produksi. Dokumentari selama 45 minit ini akan ditayangkan bagi siaran televisyen negara Tembok Berlin itu tidak lama lagi.

Dokumentari ini memaparkan perjalanan hidup seorang remaja bernama Ain yang mengidap penyakit misteri. Penyakitnya dikatakan boleh sembuh melalui perubatan tradisional iaitu Makyong dan Main Puteri.

Sejak itu, Ain berusaha mempelajari seni tarian Makyong sehingga akhirnya beliau pandai menarikan tarian tersebut. Penyakitnya kian pulih dan beliau meneruskan amalan pengubatan dengan membuat dan menerbangkan wau bulan.






**D.D Multimedia Solution Sdn Bhd**

Tingkat 3, Bangunan KB Bazaar
Jalan Hamzah
15050 Kota Bharu
Kelantan
www.daruldigital.com.my
09-7473800/7478802
fax : 09-7473801







## Lakaran : Darul Digital





# KERJASAMA KELANTAN UTILITIES MUBARAKAN DAN INTAAJ

Oleh Siti Masitah Mohamed

Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings Sdn Bhd (KUM) bersama syarikat usahasamanya Intaaj Pipes Industries Sdn Bhd (Intaaj) berazam menjadi pengilang paip besi utama dalam industri air di Kelantan.

Hasrat berkenaan disuarakan sendiri oleh Ketua Eksekutif Intaaj, Nazrin Cheong Abdullah yang melihat potensi industri paip air mampu berkembang pesat di Pantai Timur, khususnya Negeri Kelantan, insyaallah.

Selain itu, Intaaj juga bertanggungjawab sebagai syarikat pembekal utama paip-paip besi keluli untuk anak syarikat KUM iaitu Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB). Selain AKSB, KUM turut mengendalikan beberapa syarikat lain iaitu Majaari Services Sdn Bhd, Sihhat-Afiat Sdn Bhd dan juga Intaaj.

Nazrin juga bertindak sebagai Pengarah Kinson Manufacturing Sdn Bhd (KMSB) berpangkalan di Ipoh, Perak mula menjalin hubungan dagang dengan syarikat Kerajaan Negeri Kelantan sejak 2006 lagi.

Katanya, kerjasama yang baik antara beliau dengan pihak Kerajaan Negeri terutama Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan KUM berjaya menempatkan Intaaj Pipes Industries sebagai salah satu syarikat pelabur yang berani meneroka industri paip di negeri ini.

Buat masa ini, beliau sedang mengusahakan untuk membina sebuah kilang pengeluar paip dan mengikut perancangannya akan mula beroperasi pada bulan September 2009 ini. Tapak kilang tersebut juga terletak di Kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa dengan keluasan tanah 4.2 ekar di bawah fasa pertama.

Beliau juga terharu dengan keakraban dan hubungan baik yang terjalin antara individu-individu dari syarikat - syarikat rakan kongsi yang lain terutamanya Encik Abdul Ariffahmi Abdul Rahman, Ketua Pegawai Operasi PMBK. Keakraban ini membolehkan segala urusan kerja berjalan lancar.

Selain mengadakan usahasama dengan anak syarikat PMBK itu, Intaaj turut mengadakan kerjasama dengan Yayasan Kraftangan Kelantan (YKK) bagi memacu pertumbuhan industri paip di seluruh negeri Kelantan.

Beliau di sini ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak YKK, sebagai salah satu rakan usahasama yang unik, yang telah banyak memberi idea dan juga sokongan bagi menjayakan usahasama ini.

Sebagai pengarah syarikat KMSB yang telah menceburkan diri di dalam industri air selama lebih 20 tahun, beliau yakin Intaaj mampu bersaing dalam industri ini memandangkan beberapa Kerajaan Negeri di Malaysia sedang dalam perancangan untuk menukar paip air sedia ada kepada paip yang baru.

Apa yang ingin dikongsi di sini ialah mengenai personaliti Nazrin sebagai rakan niaga antara KUM dan Intaaj merupakan seorang muallaf berbangsa Cina. Beliau memeluk agama Islam sejak 1999 ketika berumur 24 tahun sewaktu bekerja di Amerika Syarikat.

Siapa sangka anak kepada tokoh agama Buddha ini memilih agama Islam sebagai jalan hidupnya. Katanya, pergaulan dan bersekolah di sekolah kebangsaaan atau aliran Melayu antara faktor yang mendorong dirinya untuk mengenali Islam dengan lebih mendalam.

Ketika menyambung pelajaran di Amerika, beliau pernah membaca risalah-risalah ajaran agama Kristian tetapi tidak pernah mempraktikkan ajaran agama tersebut. Beliau akhirnya memeluk Islam setelah yakin dengan ketulenan serta kesahihan agama tersebut.

Sekembalinya ke tanah air, keluarganya amat terkejut serta kecewa dengan status Nazrin sebagai seorang Islam. Namun setelah mendengar penjelasan dan penerangan yang diberikan Nazrin, keluarganya dapat menerima hakikat bahawa anak bongsu daripada dua beradik itu beragama Islam. Perbezaan agama tidak menghalang hubungan kekeluargaan yang masih terjalin dengan baik hingga kini.

Kini, Nazrin atau nama asalnya Malcolm Cheong Lup Yin, 34 tahun, berasa sangat bahagia dengan kehidupannya sementelah ibubapanya sendiri banyak memberi sokongan dan membantu dirinya mendalami agama Islam dengan sebaiknya. Di samping itu, ibubapa mertua juga banyak memberi nasihat dan dorongan supaya menjadi seorang muslim yang baik.

Beliau telah mendirikan rumahtangga dengan seorang jurutera, Engr. Azrina Abd. Latif, 34, dan telah dikurniakan tiga cahayamata. Anak pertama Sarah Natalia Cheong Nazrin berumur 8 tahun, sudah pun pandai mengaji Al Quran, anak kedua, Syameen Alicia Cheong Nazrin, 4 tahun, manakala anak ketiga, Muhammad Isaac Alfayed Cheong Nazrin baru berusia 1 tahun.



**Beliau amat berterima kasih di atas kepercayaan dan sokongan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri sehingga Intaaj sudah bertapak dan telah membuka gudang perniagaannya sendiri di Pengkalan Chepa, Kota Bharu.**





Ahli perniagaan yang berasal dari Ipoh, Perak ini turut menaruh harapan yang tinggi kepada anak-anaknya agar berpegang kuat pada ajaran Islam dan lahir sebagai anak yang soleh dan solehah serta sentiasa jujur dan ikhlas dalam kehidupan.


ISP
Internet Service Point
Pusat Teknologi & Perkhidmatan Internet Broadband
agen perkhidmatan talian tetap, rangkaian internet, broadband, teknologi rangkaian & peralatan
ISP Customer Service : 013.933.001.8
ISP Technical Support : 013.933.001.4
ISP Faks : 09.788.390.9
ISP Founder : 019.947.554.5
ISP General Inquiry : 013.923.624.5
TM Hotline : 100
CELCOM Care : 1300-111-000
e-mel: tmnetkbmall@gmail.com
Dapatkan Internet Broadband serendah RM25 sebulan dan RM 35 sebulan tanpa had dengan Modem, serta Mobile Broadband RM68 sebulan tanpa had

INTERNET SERVICE POINT
KT 0245225-A at KB Mall
B13, Basement Parking KB Mall
KB Mall Shopping Complex
15050 Kota Bharu, Kelantan
HUAWEI TM celcom streamyx

# KBCSB
## PERKENAL TEKNOLOGI KULTUR TISU TUMBUHAN

Oleh : Siti Masitah Mohamed

Pengenalan teknologi kultur tisu tumbuhan dalam perkembangan bioteknologi di Kelantan adalah hasil perbincangan tiga hala antara Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd (KBCSB) dengan Unit Perancangan Ekonomi Negeri Kelantan (UPEN) dan Universiti Sains Malaysia (USM) yang bermula pada 2 Jun 2008.

Hasil perbincangan dan kerjasama ketiga-tiga pihak, Universiti Sains Malysia akan memindahkan teknologi kultur tisu tumbuhan kepada Kerajaan Negeri kerana KBCSB mempunyai kemudahan, peralatan dan keperluan yang lengkap.

Teknik kultur tisu tumbuhan yang kian popular masa kini sebenarnya melalui proses yang mudah. Sebahagian kecil tumbuhan sama ada daun, batang (organ) atau sel-sel diletakkan di dalam medium kultur bernutrien bagi membolehkan proses tumbesaran dalam keadaan steril atau aseptik.

Tanaman yang disteril itu adalah bebas daripada serangan mikroorganisma seperti kulat, bakteria serta virus bagi membentuk pertumbuhan yang lengkap.

Melalui teknik ini pekebun dan petani dianggarkan akan mendapat pendapatan serta pulangan yang berlipat ganda kerana hasil tanaman yang akan dihasilkan adalah dari yang berkualiti tinggi. Melalui teknologi kultur tisu tumbuhan ini juga para pekebun dan petani dapat mengurang serta mengelakkan risiko kerosakan pada tanaman mereka kerana spesis pokok yang dipilih mempunyai daya ketahanan yang tinggi.



**Masih ramai yang tertanya-tanya tentang kelebihan proses kultur tisu ke atas tumbuhan. Teknologi ini dicipta untuk menggalakkan pertumbuhan sesuatu spesis tanaman secara seragam serta berbuah dan masak pada masa yang sama.**

**Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd**
Lot 3174, Batu 23,
Jalan Kota Bharu - Machang,
18500 Machang, Kelantan
Tel : 09-9765280
Faks : 09-9765282

Teknik ini dibangunkan untuk memudahkan pengkomersilan kultur baru dalam mengaplikasi pertanian dengan kejuruteraan genetik yang merangkumi pembaikpulihan tanaman sama ada dari segi nilai nutrisi, kawalan serangga dan kultur tumbuhan bebas virus.

Kaedah ini menjadi alternatif untuk mengekalkan pertumbuhan tanaman yang jarang ditemui dan mulai pupus. Selain itu, ia juga berguna dalam bidang farmaseutikal untuk menghasilkan ginseng dan taxol. Kultur tumbuhan yang siap diproses juga mudah dan selamat untuk dieksport.

Apa yang dikatakan dengan teknologi dalam pembuatan kultur tisu adalah dari sudut penyelenggaraan organisasi tisu dan kalus atau perkembangan jisim sel yang tidak tersusun dihidupkan dalam medium sintesis.

Proses awal kultur tisu dilakukan dengan memilih induk tumbuhan yang berkualiti sebelum membentuk klon - klon menyerupainya. Progeni yang tumbuh dengan sihat kemudiannya dipindah dan ditanam dalam suhu dan kelembapan yang terkawal serta disteril.

Spesis tanaman yang diyakini kejayaannya melalui teknik kultur tisu ialah pokok pisang. Tanaman pisang merupakan tanaman ekonomik yang kedua terpenting selepas durian dalam sektor pertanian negara.

Di Malaysia, terdapat beberapa makmal komersil yang menghasilkan variati anak benih pisang termasuklah di makmal yang dimiliki KBCSB sendiri yang beroperasi di Labok, Machang.

Manakala harga yang ditawarkan juga berpatutan antara RM1.50 hingga RM2.50 bagi setiap pokok dengan ketinggian dua kaki. Namun begitu, bekalan anak benih pisang berkualiti masih tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan yang tinggi. Oleh itu lebih banyak makmal kultur tisu perlu dibangunkan lagi demi masa depan pertanian negeri ini.



**Jenis pokok pisang keluaran KBCSB adalah seperti pisang awak, pisang cavendish, pisang berangan, pisang tanduk, pisang rastali, pisang abu dan pisang nangka. Selain itu tanaman hiasan (ornamental plants) turut dihasilkan seperti keladi hiasan dan orkid.**





# TOK SYAIR TOK SELEHONG

oleh RAYSHAD AZIZ

*Tiap-tiap malam kanda bermimpi*
*Adinda di tengah kanda di tepi*
*Menghisap rokok meminum kopi*
*Memeluk tengkuk mencium pipi*

*Sedap rasanya tiada terperi*
*Harum baunya umpama kasturi*
*Suka dan hilai senang di hati*
*Kasih mesra sehingga mati*



Begitulah bait-bait indah syair romantis yang di karang oleh Tok Syair. Lantaran indahnya syair ini, beberapa pasangan suami-isteri yang sedang 'perang dingin' telah berbaik semula dan hidup aman damai.

Tok Syair merupakan nama gelaran kepada Haji Abdul Rahman bin Haji Uthman bin Senik atau lebih dikenali dengan panggilan **Tok Selehong**. Tok Selehong merupakan seorang tokoh guru pondok yang paling terkemuka di Jajahan Tumpat serta seorang ulama Melayu yang terkenal kerana jasanya dalam mengembangkan syi'ar Islam di Nusantara. Beliau di lahirkan di Kampung Lubok Jong, di pinggir Sungai Selehor pada tahun 1871.

Tok Selehong mendapat didikan awal Bahasa Arab di Sungai Pinang, Kelantan dan antara guru terawalnya adalah Haji Abdul Malek. Beliau kemudian menyambung pelajarannya di Patani, di Selatan Thailand. Pada zaman tersebut Patani merupakan pusat pegajian dan perkembangan Islam yang termasyur. Di Patani, Tok Selehong berguru dengan beberapa orang Tuan Guru, antaranya Tuan Guru Haji Abdul Rashid dan Tuan Guru Haji Abdullah Bendang Jong. Sepanjang pengajian selama 7 tahun di Patani, beliau sering berulang-alik ke Kelantan dengan berjalan kaki tanpa rasa gentar kerana dadanya sarat dengan ilmu apatah lagi beliau pandai bersilat dan mahir menggunakan keris.

Beliau kemudiannya menyambung pelajarannya ke Makkah. Selepas 18 tahun bermukim di Makkah, beliau pulang ke Kelantan pada tahun 1921 dan mengasaskan pusat pengajian pondok di pinggir Sungai Selehor. Beliau sendiri mengajar di pondok ini sehingga pondoknya terkenal dan dikenali ramai. Malahan pelajarnya terdiri dari mereka yang datang dari jauh seperti Johor, Pulau Pinang, Melaka, Palembang dan sebagainya.

Menurut Ustaz Ismail Awang, dalam majalah Pengasuh menyebut, '*Tok Selehong mempunyai kebolehan dalam berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan, tetapi yang sangat diminatinya ialah bidang tasawuf. Kitab Hikam oleh Ibnu Ataillah merupakan kitab paling sukar diajar kepada ramai,* mungkin sebab kitab ini mendorong manusia membaiki diri dan mendampingi diri kepada Allah, serta menjauhi sifat-sifat terkeji seperti sombong, hasad dengki, riak, sum'ah dan sebagainya'. Kitab pengetahuan tasawuf selain Kitab Al-Hikam secara umum juga turut dipelajari di seluruh dunia Melayu, termasuk dalam pondok yang diasaskan oleh Tok Selehong.

Tok Selehong dikurniakan Allah kemahiran menyampaikan ajaran



dengan cara yang cukup senang di fahami. Walaupun berulang-ulang tetapi ia tidak menjemukan. Oleh kerana keberkesanan

pengajaranya maka pondoknya sering di penuhi oleh pengunjung yang datang dari Pasir Pekan, Tumpat, Wakaf Bharu, Palekbang dan Kelong. Menurut Tuan Guru Haji Hasan Ahmad, 'saya tidak pernah mendengar orang mengajar yang lebih manis dan mesra yang dapat mengatasi Tok Selehong'.

Tok Selehong terkenal sebagai seorang ahli sufi yang zahid dan warak. Sebagai seorang yang terkenal, beliau amat bimbang jika timbul perasaan angkuh dan riak dalam hatinya. Pada masa yang sama, dengan tujuan supaya hatinya tidak tertambat kepada dunia, beliau telah menggali sebuah lubang khas dalam kawasan perkuburan Islam berhampiran pondoknya dan dijadikan tempat khusus beliau beribadat dan bersuluk. Tujuan beliau berbuat demikian adalah supaya hati menjadi takut dan sentiasa ingat pada kematian. Tindakan yang di ambil membolehkan beliau merasa insaf serta menyiapkan diri dengan bekalan di akhirat dan bersedia untuk menghadapi kematian.

Sambutan Maulid an–Nabi secara besar-besaran di Kelantan di percayai di pelopori oleh beliau. Ini berdasarkan tulisan Ustaz Ismail Awang yang menulis, 'Tok Selehong pernah mengadakan Maulid an-Nabi secara besar-besaran dan dialah ulama Kelantan yang mempelopori perayaan itu. Berzanji dibaca penuh perasaan. Perarakan besar-besaran diadakan. Pernah berpuluh-puulh ribu orang datang ke majlis perayaan Maulid an-Nabi anjurannya. Malangnya majis anjuran Tok Selehong telah dikritik dengan hebat oleh ahkbar-akhbar dizaman itu. Namun ini tidak mema tahkan semangat beliau untuk



terus berjuang menyebarkan ajaran Islam.

Selain mempunyai minat yang mendalam dalam seni sastera, hobi tok guru yang pandai bersilat ini juga agak aneh. Beliau dikatakan suka kepada haiwan yang 'cantik-cantik' seperti kuda, biri-biri jantan, ayam jantan serta sering keluar memukat ikan dan hasil ikan yang diperolehi diberikan kepada penduduk berhampiran pondoknya. Beliau juga amat gemar memburu rusa. Adakalanya beliau memburu hingga ke Selatan Thai.

Terdapat beberapa perkara aneh yang berlaku sebelum kematian Tok Selehong. Menurut majalah Pengasuh, bilangan 459 yang diterbitkan pada tahun 1935, selepas tiga hari pulang dari memburu rusa, seekor ikan Yu

yang besar telah muncul dan timbul di tempat pemandian Tok Selehong. Ikan itu kemudiannya kembali ke laut setelah beberapa hari berada di Sungai Selehor. Dua hari kemudiannya kawasan perkuburuan Islam Selehor

dipenuhi dengan kedatangan burung Gagak hingga menimbulkan kehairanan penduduk setempat. Selang beberapa hari kemudia Tok Selehong ditimpa sakit kepala yang tidak kebah walau telah diubati. Genap lapan hari iaitu pada malam Khamis, 18 Zulkaedah 1353, bersamaan 20 Februari 1935, tepat jam 8.30 malam, Tok Selehong meninggal dunia dalam usia 64 tahun. Jenazah beliau dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Selehor, Tumpat. Kegiatan dakwah Islamiahnya diteruskan oleh murid-muridnya hingga hari ini.

***Foto muka sebelah, tempat bersuluk Tok Selehong. Foto bawah, Kubur tempak Tok Selehong diabadikan bersama ahli keluarganya. Foto bawah kiri, pintu gerbang memasuki kawasan pondoknya. Foto bawah kanan, Sungai Selehor. Foto oleh Cat Ishak***








# TEROWONG MASA

Sumber dan foto ehsan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan



## dahulu

### Pintu Luar Istana Balai Besar

Pintu Luar Istana Balai Besar Kota Bharu pada tahun 1909. Kelihatan menaiki kereta kuda ialah Pegawai British, Mejar General Perrolt melintasi barisan hulubalang Melayu dan polis berbangsa Kabul.

The photograph of Istana Balai Besar outer gates taken in 1909 featuring the British Officer Major General Perrolt on a carriage passing through a rank of spearman





## sekarang

### Pintu Luar Istana Balai Besar

Pintu luar Istana Balai Besar dikenali dengan Kota Sultan Ismail Petra.

The outer gate of Istana Balai Besar now known as Kota Sultan Ismail Petra.









# OUR 3rd CHRISTMAS *Without Danny*

"Life after all is not a straight and narrow path of achievement, but a quilt made of many parts and each part is intertwined with each other," Hasnah Hariri writes from Down Under.

**Still alive but unconscious, he was evacuated on the Snowy Hydro helicopter and an emergency operation was commenced soon after at Canberra Hospital to try to save him.**

George Lee, 51, has a little wish for Christmas and the New Year.

He wants Malaysians to understand the gift of life that is the ultimate paradox of living and loving: organ donation. He wants Malaysians to embrace and celebrate organ donations – both as donors and as recipients.

For the Lees; George, his wife Jennifer, 51, and son Calvin, 16, the true meaning of Christmas and the new year lies in giving the ultimate gift of life.

Three years ago when their first son Danny Lee, then 22, died tragically from a ski accident in Australia, they donated his organs to seven complete strangers.

"Awareness about organ donation is lacking in Malaysia", he said, "so not many people understand the true meaning of the saying that 'Christmas is the time for giving and sharing' and how its importance transcends all man-made boundaries."

He added that he is willing to invest time to educate fellow

Malaysians about the importance of organ donations. "If we can educate people about how important it is when it comes to giving even during the time of grief and loss, Malaysia can be a better place", he said.

These days he is excited talking about the multi-faith day of remembrance that he has attended yearly in Canberra.

***"so not many people understand the true meaning of the saying that 'Christmas is the time for giving and sharing' and how its importance transcends all man-made boundaries."***

"Malaysians should embrace and celebrate the ultimate gift of organ donation," he said, adding that multi-faith remembrance services should be modelled after the ones they have in Australia.

Multi-faith remembrance services are held around Australia every year to honour the memory of donors and to celebrate their legacy. There, organ recipients also speak about their life-changing experiences after receiving an organ.

"I have met some family members who have attended the service for the last 15 years, and I heard from a 15-year-old young man who was a recipient of corneas that restored his eyesight," George Lee said, stressing the importance of honouring those who died but left a legacy of giving the gift of life to others.

He was clearly moved by the very human aspects of organ donation – the grief from his personal loss is paradoxically balanced with the joyous lease of life in the recipients. These may be strangers but the mediation between strangers and his dead son in a journey of living, meant that in these strangers, parts of his son live on, in Australia.

These remembrance services remind people of the importance of organ donation, and George Lee said he would love to be part of an awareness movement in Malaysia. "So much can still be achieved even after the death of your loved ones", he said, his sadness still apparent after three years.

Danny Lee had been studying in Australia for just over a year when he went to the Snowy Mountains to enjoy the snowfields with a group of his friends. While snowboarding he fell and suffered a concussion that proved fatal.

Still alive but unconscious, he was evacuated on the Snowy Hydro helicopter and an emergency operation was commenced soon after at Canberra Hospital to try to save him.

"The doctor faxed me a letter from the Canberra Hospital seeking consent for an emergency operation", said George Lee. He remained in communication with the doctor while arranging to travel from Kota Bharu to Canberra.

Due to financial constraints, his wife did not travel with him, and he regretted the fact that he only brought home his son's ashes and not the body.

"The Malaysian High Commission officers said they do not have any budget to offer any assistance, so I decided to cremate him in Canberra because it cost less to bring back the ashes" he said.




***George Leoge flipping through well kept documents and newspaper cutting on the tragedy. Background - montage of newspaper report and death certificate of Danny Lee.***

***Insert photo front L-R, Jennifer and George Lee. Behind L-R, photo of Danny Lee as it appeared in The Sun-Herald, 13 August 2006 and Calvin.***

He was grateful that the Kelantan State Government was supportive and that the Executive Councillor for Economic Planning, Finance and Welfare, Y.B. Dato' Haji Husam Musa had arranged for him to stay in Canberra at the house of one of his friends.

"I was surprised but Dato' Husam, whom I have never met before, is a strong supporter of organ donation and he visited my wife when I was in Canberra and even attended Danny's funeral here in KB," Lee said, adding that he was touched by the level of support that he had received.

George Lee said the family's commitment to organ donation was tied with Danny's wishes. His housemates had approached George Lee upon his arrival and said that Danny has spoken about organ donation and his support for it very openly.

Mrs Lee's voice wavered and she choked, in a sweet Kelantanese Malay, when she described her decision that even in time of great distress of her son's death, if the organs could help others, one should do it. "I still grieve for my son every day", she said, but one should never let the opportunity to save others pass by.

She added that she accepted what God has decided - she has a strong sense of practical wisdom in grief.

Mrs Lee has peaceful acceptance and a commitment to service of what was, and still is, a painful journey. Through her and her husband's decision to donate their son's organs, seven young Australians' lives were saved. These are strangers whom she would never meet and will never know.



***Y.B Dato' Haji Husam Musa, arranged for George to stay at his friend's house in Canberra.***

***The mediation between strangers and his dead son in a journey of living, meant that in these strangers, parts of his son live on, in Australia.***

Life after all is not a straight and narrow path of achievement, but a quilt made of many parts and each part is intertwined with each other.

And if they can create an awareness of how important organ donation is, they will.

That is the power of humanity at its best from one Kota Bharu family.

***About The Writer***

***Hasnah Hariri is a Media Specialist who divides her time between Canberra, Australia and Caune Minerrois, a small medieval Village in France, not forgetting a stopover in Kota Bharu when she can!***



by Amirul Ikhwan Sulaiman
photos : Mohd Iqbal Abdul Rahman

## welcome to Kota Bharu's famous supper club

# WHITE HOUSE



The White House Kopitiam is something of an institution in Kota Bharu. Like its contemporaries, the Ipoh Old Town Kopitiam in Perak and the Kluang Railway Station Kopitiam in Johor, it brings back the nostalgia of the olden days.

The atmosphere is authentic. It has the old fashioned circular chairs and round marble-topped tables found in most old kopitiams and coffee are served in very thick old china porcelain cups.

The favourite coffee and *roti bakar* are still prepared using charcoal, the same way since the original kopitiam was started back in the 1940s.

Even the small signboard announcing the name of the shop is an antique. This plus the sight of an aging towkay behind the counter completes the picture.

The White House, which is located at the end of a row of shop houses in front of the State Mosque, Masjid Muhammadi, is a favourite with locals, visitors and Kelantanese back home from the big cities.

Despite its simple menu, the White House is popular with the people as can be testified with the big crowd daily and the rave reviews it received from blogs including people from outside Kelantan.




During the peak hours especially in the morning, waiting for up to 15 minutes just to get a seat is quite normal and it did not seem to deter the patrons, as the shop can take only up to 30 to 40 people at one time.

Amanda Siow, daughter of the present proprietor, said the shop was started by her maternal grandparents who were migrants from Hainan .

It started in an attap-roofed shop at almost the same present place but slightly closer to the mosque.









"When it was demolished, we moved to this brick building in 1980. The tables and chairs and other utensils were all from the old shop, even the signboard," she said in an interview.

According to her, the name White House is not something new but has stuck since the days of her grandfather . It also has nothing to do with the famous residence of the United States President.

"You see, my grandfather likes to paint the shop white as it looks clean and he always wear neat white shirts when attending patrons. So, customers started to call the shop, the White House and the name remained until today," she said.

Amanda, who left her job in Kuala Lumpur to help her aging parents at the shop, said the patrons' favourites were its half boiled eggs, accompanied by brown toast served with butter and home-made kaya and its home-brewed coffee.



"My mum still uses charcoal to boil water and prepare the toast and does not want to change it. This traditional way, it seemed is being picked up and getting popular with the new generation kopitiams," she said.

Of course, traditional Kelantan specialities are also available. There are nasi kerabu, nasi berlauk and nasi dagang prepared by its long-time suppliers. Amanda and her parents are assisted by 11 workers – five of them in the morning and six at night .

Despite, the White House success, Amanda did not foresee it going into a big way into franchises as has been done by several of the country's famous kopitiams.

"We can't guarantee that the standard will be maintained if we start franchising, so it is best that that we keep to our present way," she said.

**THE WHITE HOUSE**

*breakfast*
*8.00 am - 1.00pm*

*supper*
*9.00 pm - 1.00am*

*open daily*
*except friday*








DARULNAIM AGRO MANAGEMENT INDUSTRIES SDN. BHD. (DAMAI)
Co. No. 137907-P
Lot 1809, Tingkat Bawah, Bangunan Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB), Jalan Bayam
15200 Kota Bharu, Kelantan
Tel: 09-7462805, 09-7462807
Fax: 09-7470713

DAMAI

Aktiviti DAMAI adalah menjalankan perniagaan berasaskan pertanian terutama pembangunan Ladang Rakyat dengan tanaman buah-buahan untuk dijual kepada orang ramai.
Pembangunannya bertujuan ke arah mengintegrasikan konsep ladang rakyat dengan ciri-ciri pelancongan-agro (*agro-tourism*).

LADANG RAKYAT DATARAN RABUAH
LOJING, GUA MUSANG

Kawasan ini dipecahkan kepada lot-lot kecil, 1 ekar dan ½ ekar. Bagi lot 1 ekar ianya akan ditanam dengan 80 pokok yang terdiri daripada 20 pokok pisang khaki, 20 pokok laici, dan 40 pokok longan. Manakala separuh daripada jumlah pokok tersebut bagi lot ½ ekar.

MUKIM RELAI, GUA MUSANG

Fasa 1: 45 pokok durian dan 55 pokok dokong
Fasa 2: 30 pokok manggis, 20 pokok durian kunyit dan 100 pokok gaharu.








# CINTA AUR DENGAN TEBING

## HU PANG CHAW Berkongsi Cinta Pandang Pertamanya Pada Negeri Serendah Sekebun Bunga dalam pertemuan dengan Blogger Sheih Kickdefella

**Sebut sahaja nama Hu Pang Chaw, tentu sahaja Masyarakat Cina Kelantan pernah mendengarnya. Bahkan kebanyakan Masyarakat Cina di Malaysia yang peka terhadap perkembangan politik turut arif dengan nama itu.**

Anak dagang kelahiran Alor Setar, Kedah ini, pertama kali menjejakkan kaki di Negeri Kelantan pada tahun 1977, sebagai seorang guru yang ditugaskan mengajar di Jajahan Gua Musang.

"Pada masa itu, tak ada bekalan elektrik, paip air tak ada, jalan raya tak ada, cuma bergantung pada KTM, Keretapi Tanah Melayu," Pang Chaw mengungkap kembali ingatannya sebagai pembuka tirai perbualan kami.



*Y.A.B Menteri Besar, Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz adalah pemangkin perpaduan kaum di Kelantan dan turut menjadi idola kepada Masyarakat Bukan Islam.*



*YB. Dato' HJ. Takiyuddin Hassan, Ahli Exco Kerajaan Negeri sedang melukis Singa Batik di Pesta Kebudayaan Masyarakat Cina.*



*Ahli Parlimen Kota Bharu, Dato' Haji Wan Abdul Rahim dan ADUN Kota Lama, Dato' Anuar Tan, memenangi kerusi masing-masing hasil sokongan kuat Masyarakat Cina.*



*Pintu Gerbang Tokong Mek, di salah satu penempatan awal Masyarakat Cina di Kota Bharu.*

**"Kalau jumpa di luar Kelantan, walau tak kenal sebelum ni, tapi kalau tahu kita sama-sama dari Kelantan, mesti nak kecek Kelantan...**

Bagi Hu Pang Chaw, kalau dia tidak menemui keindahan yang mencuri hatinya, sudah tentu dia sudah tinggalkan Kelantan dan mungkin pulang sahaja ke negeri tumpah darahnya tetapi ini tidak berlaku, kerana hatinya sudah tertambat di sini. Tetapi apa yang menambat hatinya?

"Saya banding kaum wanita di Kelantan ini dengan luar sebenarnya wanita di sini, baik Cina, India atau Melayu, mereka mempunyai satu 'keindahan', iaitu rajin, pemurah dan bertanggungjawab atas keluarga dan anak-anak," kenyataan Pang Chaw itu ternyata dikongsi dalam diam oleh ramai lelaki di Malaysia.

Wanita Kelantan memang terkenal dengan identitinya yang unik, lemah lembut, beradab tinggi dan manis serta romantis, tidak mustahil ramai anak dagang ke Negeri Cik Siti Wan Kembang ini terperangkap dengannya sehingga nama singkatan kepada penggendali bas di Kelantan, Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan iaitu SKMK di ubah jadi 'Sampai Kelantan Mesti Kahwin!'.

Maka SKMK itu benarlah bagi diri Pang Chaw apabila pada tahun 1981, beliau mendirikan rumahtangga dengan gadis Kota Bharu berketurunan Cina dan mendapat 4 orang anak.

Perlahan-lahan, perbualan kami beredar dari kisah romantik dan kemurnian wanita Kelantan kepada elemen-elemen lain yang sudah pasti tidak kurang seriusnya bahkan lebih mudah untuk Pang Chaw jadikan bahan pemasaran jenama Kelantan tanpa diserang dan dimarahi oleh para isteri dan gadis-gadis di negeri-negeri lain di Malaysia.

"Saya dapati orang Melayu di Kelantan ini amat berbeza dengan orang Melayu di negeri lain, hubungan orang Melayu dan bukan Melayu di Kelantan ini, macam adik beradik, apalagi bila bertemu di luar Kelantan".

"Kalau jumpa di luar Kelantan, walau tak kenal sebelum ni, tapi kalau tahu kita sama-sama dari Kelantan, mesti nak *kecek* Kelantan. Cina sama Cina pun kita nak *kecek* Kelantan juga", tegas Pang Chaw dan beliau amat yakin keunikan ini hanya ada pada rakyat Kelantan.

"Peringkat awal saya di Kelantan, saya berjumpa dengan orang Cina di kampung, dia boleh baca kitab suci Al Quran, saya terkejut!", jelas Pang Chaw berkongsi pengalaman awalnya di Kelantan.

"Saya tanya dia dalam loghat Hokkien, awak Islam? Eh bukan jawabnya dalam dialek Kelantan. Ini tidak berlaku di negeri lain. Saya berasal dari Kedah dimana majoritinya orang Melayu juga, saya tahu!".

"Kita macam adik beradik," tambahnya dan ini membuatkan masyarakat Cina, India, Siam dan lain-lain di Kelantan, walaupun kecil peratusannya tetapi merasa bangga menjadi rakyat Kelantan.

Dari pengamatannya, Pang Chaw merasakan sikap rendah diri orang-orang Melayu Kelantan banyak membantu kaum lain berasa tenang dan selamat di dalam kepompong orang-orang Melayu, akibatnya mereka menjadi lebih terbuka dan mudah bagi mereka mengadaptasi budaya orang-orang Melayu ke dalam cara hidup mereka. Kesannya, kita boleh lihat kaum-kaum lain di Kelantan memakai kain pelikat dan kain batik sarong di rumah mereka. Bahkan hari ini, sudah lahir Tok Jogho Dikir Barat dan Tok Dalang Wayang Kulit dari kalangan anak Cina Kelantan.

Sikap hormat menghormati kepercayaan dan adab budaya lain-lain kaum amat tinggi di Kelantan. Masyarakat Melayu menerima kaum minoriti dengan hati terbuka dan memberi keselesaan kepada mereka untuk bernaung di sini. Bagi Pang Chaw ini adalah punca mengapa masalah perkauman tidak wujud langsung di Kelantan. Apa lagi bila sikap ini di utamakan oleh Y.A.B Menteri Besar Kelantan sendiri.

Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz menyuburkan lagi sikap toleransi ini dan seringkali membuat lawatan untuk tujuan mengeratkan hubungan antara kaum ke Wat Buddha dan Tokong Cina dan tidak pernah melepaskan peluang menghadiri majlis kebudayaan kaum lain setiap kali menerima jemputan. Ini tidak diamalkan dengan meluas di negeri-negeri lain dan dikalangan pemimpin-pemimpin Kerajaan Pusat. Bahkan ianya dianggap amat sensitif sekali.

Akibatnya, Pang Chaw berpendapat kaum-kaum bukan Melayu di Malaysia berpersepsi bahawa apa yang menjadi amalan Kerajaan Pusat adalah ajaran Islam sebenar dan amalan budaya orang Melayu, seterusnya ini telah melahirkan salah faham terhadap ajaran Islam dan budaya orang Melayu lalu merapuhkan hubungan antara kaum di Malaysia.

"Orang Cina di Malaysia sebenarnya tolak Islam bukan kerana Islam itu sendiri tapi dia tolak UMNO. Jadi kebetulannya UMNO adalah parti orang Melayu yang beragama Islam,"

"Bila konsep Islam yang dibawa oleh mereka itu tak diterima, maka mereka tolak dan PAS yang juga membawa Islam turut ditolak sama".

"Apabila Kerajaan Kelantan nak memartabatkan agama Islam, apa yang orang luar Kelantan tidak tahu ialah kami di Kelantan kata bagus, sebab kami tahu Islam ini adalah satu agama yang suci", kata Pang Chaw yang turut di kenali sebagai Ustaz Hu oleh rakan-rakan Melayunya.

Pemahaman itulah yang di pasarkan secara percuma oleh Hu Pang Chaw yang kini berusia 53 tahun ke segenap rantau di Malaysia sejak tahun 1999. Bahkan Pang Chaw adalah 'taukeh' besar dalam bidang pemasaran ini. Suatu bidang yang dilakukannya secara sukarela tanpa mengambil kira pulangan kewangan kepadanya.



..........

Tamadun Cina sudah berusia 5,000 tahun oleh itu tidak mudah bagi masyarakat Cina mengikis budaya dan bahasa yang diwarisi sekian lama dengan sekelip mata. Walaupun begitu Masyarakat Cina di Kelantan tidak terancam dengan agenda Membangun Bersama Islam dibawa oleh Kerajaan Kelantan kerana mereka memahami nilai-nilai murni yang di anjurkan oleh Islam.

"Kalau kita tengok sejarah Islam sendiri yang sudah 1,430 tahun, kalau kita pergi ke Negeri Cina, masjid yang tertua sekali sejarahnya 1,400 tahun", ujar Pang Chaw.

Fakta membuktikan walaupun Islam sudah begitu lama berkembang di Negara Cina dengan jumlah penganut yang begitu besar tetapi sehingga hari ini ia tidak menjadi ancaman kepada kepercayaan dan budaya warisan mereka. Oleh yang demikian, masyarakat bukan Melayu di Malaysia juga tidak perlu rasa terancam.

Namun Pang Chaw sedar jalan yang dipilihnya penuh berliku dan di cop sebagai 'Anjing' kepada Parti Islam Se Malaysia bila dia dilantik sebagai Presiden Kelab Penyokong PAS yang ditubuhkannya bersama 2 pengasas lain pada tahun 2004.

"Awak ini penipu! Datang nak tipu orang Cina. Datang nak tipu orang India!", Pang Chaw



***"Apabila Kerajaan Kelantan nak memartabatkan agama Islam, apa yang orang luar Kelantan tidak tahu ialah kami di Kelantan kata bagus...***

mengingati antara maki hamun yang diterimanya sewaktu mula berkempen memasarkan Jenama Kelantan sebagai alternatif pentadbiran bagi masyarakat bukan Melayu di Malaysia.

Bagaimanapun itu semua tidak melunturkan niat sucinya. Walau kisah cinta Hu Pang Chaw dan Negeri Kelantan tidak mungkin tercatat di dalam kitab sastera sehebat percintaan Seri Rama dan Sita Dewi atau terukir dalam sejarah seromantis kisah cinta Shah Jehan dan Mumtaz, namun jika kepuasan yang dicari oleh anak dagang ini, kepuasan itu sudah menjadi miliknya.




*Gambar atas menunjukkan batu tanda dan gambar bawah ialah pintu gerbang ke Kampung Cina dekat Penambang Kota Bharu.*





# MASJID CINA

## Rantau Panjang

oleh Siti Masitah Mohamed
foto oleh Sheih







**Atas dari kiri ke kanan, pandangan hadapan Masjid, candelier yang terletak di siling dan pandangan bumbung dengan seni budaya Cina. Bawah, Mimbar Masjid dan pandangan sisi dari luar.**

**Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra** menjadi mercu tanda keagungan Islam di bumi Kelantan. Upacara perletakan batu asas masjid yang diberi nama jolokan Masjid Cina atau Masjid Beijing ini telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan, Sultan Ismail Petra pada 8 Mac 2004.

Masjid yang mencerminkan seni bina dan budaya masyarakat Cina ini dibangunkan di atas tapak seluas 3.7 ekar dengan melibatkan kos sebanyak RM8.8 juta.

Kedudukan Masjid Cina ini adalah kira-kira dua kilometer dari kawasan bebas cukai Rantau Panjang dan berada di laluan utama antara Pasir Mas-Rantau Panjang. Bertempat di Lot 226, 227 dan 228 di Daerah Rantau Panjang, Mukim Pekan Rantau Panjang, dekat Pasir Mas.

Kerja-kerja pembinaan telah dimulakan sejak 12 September 2005 dijangka siap dan dapat digunakan sepenuhnya pada awal tahun 2009.

Gugusan Yakin Sdn Bhd dilantik sebagai kontraktor pembinaan bagi merealisasikan hasrat Menteri Besar Kelantan, YAB Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat untuk bersolat jemaah bersama Imam kaum Cina dan mendengar khutbah dalam Bahasa Cina.

Komponen utama masjid pula terdiri daripada satu unit blok masjid dua tingkat. Tingkat atas mengandungi ruang sembahyang utama, bilik Imam, bilik audio visual, bilik VIP dan stor. Manakala tingkat bawah menempatkan ruang serbaguna, perpustakaan, utiliti, bilik mesyuarat, pejabat, bilik VIP, 'pantry', klinik, ruang makan dan stor.

Antara lain Masjid Cina ini juga akan mempunyai satu menara, kelas tadika, kelas fardhu ain dan blok bazaar. Manakala anjung utama pula akan menempatkan anjung kanan (tempat wuduk, tempat letak kasut dan stor) dan anjung kiri (tempat wuduk, bilik suis dan tempat letak kasut). Sementara anjung belakang pula akan menempatkan bilik pengurusan jenazah, lobi dan tandas.

Istimewanya, masjid ini mampu menampung 1,000 jemaah dalam satu-satu masa. Selain mengandungi elemen budaya dan seni bina Cina, binaan masjid ini turut diserikan dengan calitan budaya India dan Melayu.









*Ustaz Ali dan anaknya, Badaruddin tekun mendengar kata-kata dari Tuan Guru ketika melawat Menteri Besar Kelantan di Kompleks SUK Kota Darul Naim.*

## Anak Rantau Mencari Berkat

# MENGENALI TOK IMAM CINA

oleh Siti Masitah Mohamed
foto oleh Sheih



Kagum dan terpegun. Itulah kalimah yang mampu diucapkan tak kala pertama kali menjejakkan kaki di Masjid Cina atau Masjid Beijing di Rantau Panjang, Kelantan. Namun lebih kagum dan terpegun bila berdepan dengan Imamnya.

Ustaz Ali Bin Muhammad, Imam Masjid Cina ini adalah anak rantau yang berasal dari wilayah Yunan di Tanah Besar China. Ustaz Ali telah menetap di Kelantan selama 13 tahun bersama keluarganya setelah berhijrah dari kampung halamannya di China pada tahun 1995. Sebabnya adalah kerana beliau tertarik dengan Negeri Kelantan yang merupakan gedung ilmu dunia dan akhirat. Selama 13 tahun hidup bergaul bersama masyarakat setempat, beliau kini berkebolehan memahami dan bertutur dalam Bahasa Melayu malahan beliau berbangga kerana boleh bertutur dalam loghat Kelantan dengan baik.

Ustaz Ali, 45 tahun, kini merupakan salah seorang tenaga pengajar di Maahad Darul Anuar, Pulau Melaka dan menjadi guru bagi matapelajaran Bahasa Arab dan Bahasa Cina.

Sebelum berhijrah dan berkhidmat di Kelantan, Ustaz Ali pernah menuntut di Kolej Sultan Zainal Abidin (KUSZA) di Terengganu selama tiga tahun. Menurut beliau lagi ketika menuntut di Terengganu itulah timbulnya keinginan untuk tinggal dan menetap di Malaysia bersama keluarga.

Kini, Ali dan isterinya Fatimah Abdullah, 43, menetap di Taman Sri Iman, Jalan Teluk Panji, Kota Bharu bersama tiga puteranya.

Anak pertama pasangan ini Hassan, 22, menuntut di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) Nilam Puri, Kota Bharu, anak kedua Husaini, 18 tahun menuntut di Institut Tunku Abdul Rahman (ITTAR) Selangor, serta anak bongsunya Badaruddin berumur 11 tahun dan belajar di SRJK Chung Hwa, Kota Bharu. Lebih istimewanya Badaruddin juga merupakan ‘anak angkat’ kepada YAB Menteri Besar Kelantan, Dato’ Nik Abdul Aziz Nik Mat. Badaruddin dibesarkan selama beberapa tahun di rumah Tok Guru di Pulau Melaka.







*Foto kenang-kenangan di Pejabat Menteri Besar Kelantan. Foto sebelah Badaruddin, anak angkat Tok Guru dan foto insert Tok Guru menunaikan sholat terawih yang diimamkan oleh Ali.*

berkenalan dengan

# TOK JOGHO CINA

## Aktivis Dikir Barat Kelantan

**Oleh Siti Masitah Mohamed & Mohd Ahyad Hashim**




Percaya atau tidak satunya-satunya Tok Jogho Dikir Barat yang popular dengan lagu "Terkenang Masa Dulu" adalah seorang lelaki berbangsa Cina!

